



"MEMPERKASA HAK ASASI MANUSIA"

(6 Mac 2020/ 11 Rejab 1441H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا
اللَّهُ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ .

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ،
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Islam mengangkat martabat wanita dan melindungi hak asasi mereka. Justeru itu, Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: “**Memperkasa Hak Asasi Wanita**”.

Hadirin Yang Dirahmati Allah,

Sebelum kedatangan Islam, ketika zaman kejahilan atau jahiliah dalam masyarakat arab, kedudukan golongan wanita dipandang rendah dan tidak diberi belas kasihan kerana masyarakat pada zaman tersebut beranggapan bahawa wanita tidak mempunyai hak dan kebebasan dalam politik, ekonomi, dan sosial. Status wanita dalam politik pada zaman tersebut adalah merupakan yang paling bawah dalam **Hierarki** sosial dan dikatakan sama taraf dengan golongan hamba.

Kemunculan agama Islam telah memberi sinar kepada golongan wanita dan mengangkat martabat mereka. Walaupun terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan dari segi peranan dan tanggungjawab namun saling

lengkap melengkapi dan memerlukan antara satu sama lain. Ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 71:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ
الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ
اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Maksudnya: *“Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengah yang lain; Mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; Dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana”.*

Kini, golongan wanita telah bangkit dan sedar tentang hak-hak mereka. Perlindungan hak-hak wanita turut diperjelaskan dalam konvensyen penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita atau CEDAW yang merupakan satu landasan antarabangsa yang merangkumi aspek-aspek seperti pendidikan, sosial, kesihatan dan sebagainya. Malaysia juga turut menjadi negara ahli dalam konvensyen tersebut bagi menyokong

penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita. Selain itu, **Artikal 6 Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia** dalam Islam juga turut menjelaskan bahawa wanita adalah setaraf dengan lelaki dari segi maruah manusia dan mempunyai hak untuk dinikmati serta mempunyai kewajipan untuk dilaksanakan.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Perbahasan mengenai hak-hak wanita bukanlah baharu dalam dunia Islam, namun ianya adalah tuntutan syariat Islam semenjak zaman Rasulullah SAW lagi. Namun perlu difahami, Islam tidak menuntut supaya wanita diberi hak-hak yang sama rata dengan lelaki, tetapi memberi hak-hak yang sepatutnya diperolehi oleh mereka.

Islam merupakan agama yang sering mengingatkan umatnya agar menjaga hak-hak wanita dari teraniaya. Kaum lelaki dan wanita yang diciptakan oleh Allah SWT dengan sebaik-baik kejadian. Manusia tidak kira lelaki mahu pun wanita dibekalkan dengan akal fikiran dan anggota badan untuk menjalani kehidupan seharian agar masing-masing dapat beribadat kepada Allah SWT. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 1:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ
وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً
وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada tuhan kamu yang telah menjadikan kamu bermula dari yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada Adam itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (Silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu”.

Ayat ini menjelaskan bahawa lelaki dan wanita berasal dari “diri yang satu” iaitu nabi Adam. Lelaki dan wanita sama-sama diciptakan dari tanah. Justeru, tiada perbezaan di antara lelaki dan wanita dalam penciptaan kedua-duanya. Apa yang berbeza adalah tanggungjawab dan hak masing-masing yang berlainan mengikut keperluan dalam kehidupan.

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Perjuangan menuntut hak-hak asasi wanita di Malaysia, hendaklah diselaraskan dengan ajaran Islam yang memberi jaminan hak kesaksamaan antara lelaki dan wanita mengikut batas-batas tertentu. Islam mengiktiraf hak asasi wanita sepertimana yang digariskan dalam al-Quran dan as-Sunnah serta ditekankan oleh “**Maqasid Syariah**” di mana hak setiap umat Islam terjaga dan terpelihara. Antara hak asasi wanita yang digariskan dalam Islam ialah hak berpolitik, hak memilih pekerjaan, hak menuntut ilmu pengetahuan dan sebagainya. Dalam Islam tidak terdapat satu pun larangan terhadap penglibatan wanita dalam bidang kehidupan bermasyarakat, termasuk dalam bidang politik.

Islam meletakkan wanita pada kedudukan yang sangat tinggi dan terhormat. Terdapat ramai tokoh-tokoh wanita yang memegang jawatan-jawatan penting dalam kabinet, kementerian dan juga agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Walaupun hak-hak asasi wanita itu perlu dipertahankan, namun terdapat sesetengah pihak yang masih menafikan hak mereka. Sebagai contoh, terdapat syarikat atau organisasi yang tidak membenarkan wanita Islam memakai **hijab** atau menutup aurat terutamanya wanita yang bekerja di

kaunter hadapan yang berurusan dengan pelanggan syarikat tersebut. Larangan berhijab ini adalah salah satu bentuk diskriminasi terhadap wanita dan mencabuli hak wanita Islam. Walaupun larangan ini telah ditarik balik di kebanyakan organisasi namun satu undang-undang kesaksamaan perlu dikuatkuasakan untuk memastikan organisasi swasta dan awam melindungi hak wanita untuk mengamalkan agama dan kepercayaan mereka tanpa diskriminasi di tempat kerja.

Untuk Malaysia mencapai status negara maju, hak asasi wanita perlu diperkasakan. Malah, masyarakat perlu memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada wanita yang telah menyumbang kepada pembangunan negara kita.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Kesimpulan yang dapat kita ambil daripada khutbah pada hari ini adalah:

Pertama: Mengangkat martabat kaum wanita dan memelihara hak-hak asasi mereka seperti yang dijelaskan dalam al-Quran dan as-Sunnah.

Kedua: Masyarakat hendaklah bersama-sama memperkasakan hak asasi wanita sepertimana hak-hak asasi manusia yang lain selaras dengan tuntutan Islam.

Ketiga: Masyarakat perlu mengiktiraf dan menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh golongan wanita terhadap pembangunan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
...وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ
يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ يُرْزَقُونَ فِيهَا بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: “....Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh - dari lelaki atau perempuan - sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga; mereka beroleh rezeki di dalam syurga itu dengan tidak dihitung”. (surah Ghafir, ayat 40)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا

(Bulan Mac 2020)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَهْدِيهِ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ
شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ
يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْإِخْوَةُ الْمُؤْمِنُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri supaya bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya berbahagialah orang yang bertakwa kepada Allah.

Pada masa kini, terdapat segelintir umat Islam yang menghadapi masalah kecelaruan jantina yang salah satunya dikenali sebagai transeksual. Mereka adalah seorang lelaki atau perempuan yang berperasaan atau berpenampilan sebagai jantina yang berlawanan jenis. Sebahagian mereka sehingga tahap mengambil hormon, membuat pelbagai suntikan dan melakukan pembedahan menukar organ jantina. Hal ini bukan sekadar bertujuan ingin benar-benar menjadi jantina yang berlawanan malah ada yang turut terlibat dengan masalah sosial.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada tahun 1982 telah memutuskan hukum pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya adalah haram. Seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun jantintanya berjaya ditukarkan melalui pembedahan. Seseorang yang dilahirkan perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun jantintanya berjaya ditukarkan melalui pembedahan. **Manakala seorang yang dilahirkan sebagai 'khunsa musykil'** iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan, **diharuskan melakukan pembedahan** bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

Ketahuiilah bahawa mengubah ciptaan Allah swt adalah dosa besar dan dilaknat oleh Allah swt. Kita sebagai bapa atau ketua keluarga, wajiblah menjaga dan memantau ahli keluarga supaya tidak beramal dengan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Ibu bapa juga hendaklah mendidik anak-anak mengikut fitrah kejadian asal mereka dan bukan sebaliknya. Contohnya, anak lelaki dipakai pakaian perempuan atau anak perempuan dibiarkan berpewatakan seperti lelaki. Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa', ayat 119:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

...وَلَا مَرْنَهُمْ فَلْيَغْيِرَنَّ خَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا

مِّن دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا ﴿١١٩﴾

Maksudnya: "...dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah". Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil Syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata".

Semoga kita dapat meneruskan kehidupan dengan penuh keberkatan dan sentiasa mendapat rahmat Allah swt.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Pada saat yang penuh barakah ini marilah kita berselawat ke atas nabi Muhammad SAW yang membawa petunjuk dan rahmat kepada kita sekalian sepertimana perintah Allah dalam surah Al-Ahzab, ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada Nabi Muhammad ﷺ wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
كَمَا صَلَّيْتَ وَسَلَّمْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ . اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَيَّ مَلِكِنَا، كِبَاوَه
دولي يغ مها موليا سري فادوك باكيندا يغ دفتوان اكوغ ك-انم
بلس، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدُ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ، وَكَذَلِكَ مَوْلَانَا تَوَانُ يَغِ
تراوتاما تون داتوء سري اوتاما دكتور حاج عبد الرحمن بن حاج
عباس يغ دفتوا نكري فولاو فينغ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ . فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَيَّ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .